

TEKS UCAPAN

**PROF. DATUK DR. HAJAH ROZIAH MOHD JANOR
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**SEMPENA
MAJLIS KORBAN PERDANA ICAN
DENGAN KERJASAMA VFIVE GROUP SDN. BHD.
SEMPENA HARI RAYA AIDILADHA 2023**

2 JULAI 2023 | AHAD | 7.00 PAGI

**Tapak Korban UiTM Shah Alam
(Bersebelahan Bekas Tapak Lapang Sasar UiTM)**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ALHAMDULILLAH ROBBIL 'AALAMIIN
WASOLAATU WASSALAAMU 'ALAA ASYRAFIL
ANBIYAAI WAL MURSALIIN
WA 'ALAAAALIHI WASOHBIGHI AJMA'IN.**

- **Yang Berbahagia Datuk Haji Mohd Syafiq Haji Abdullah**
Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat V-Five Group;
- **Yang Berbahagia Prof. Emeritus Datuk Dr. Raduan Che Rose**
Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti;
- **Yang Berbahagia Prof. Dr. Mohamad Hariri Abdullah**
Timbalan Naib Canselor
Jaringan Industri Komuniti dan Alumni;
- Barisan Pengurusan Eksekutif dan Barisan Pengurusan Kanan Universiti;
- Wakil dari rakan-rakan Industri, Komuniti dan Alumni, serta seluruh warga UiTM yang bersama kita pada hari ini;

[Salutasi – Kemas kini berdasarkan kehadiran]

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,
Selamat sejahtera, Salam UiTM di Hatiku dan Salam
Malaysia MADANI.**

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran saya panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, kita semua dapat berkumpul dalam mengimarahkan **Majlis Korban Perdana ICAN** dengan kerjasama **VFive Group Sdn. Bhd.** sempena **Hari Raya Aidiladha 1444 Hijrah** ini.

Para hadirin sekalian,

2. Aidiladha ialah hari kebesaran yang disambut oleh umat Islam di seluruh dunia dengan penuh keinsafan dan pengertian yang besar untuk dihayati dan diteladani. Antaranya, adalah sifat pengorbanan tinggi yang harus dimiliki bagi mencapai kejayaan yang diredhai Allah SWT.

3. Justeru, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berbahagia Datuk Haji Mohd Syafiq Haji Abdullah, Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat VFive Group di atas kerjasama menyempurnakan majlis pada hari ini dengan sumbangan sebanyak 10 ekor lembu korban.
4. Difahamkan, pada hari ini sebanyak 10 Pusat Tanggungjawab akan menerima sumbangan ini. Antaranya;
 - i. Lembaga Pengarah UiTM;
 - ii. Pengurusan Eksekutif UiTM;
 - iii. Pejabat Jaringan Industri Komuniti & Alumni (ICAN);
 - iv. Fakulti Sains Pentadbiran & Pengajian Polisi (FSPPP);
 - v. Kolej Pengajian Kejuruteraan (KPK);
 - vi. Kolej Pengajian Seni Kreatif (KPSK);
 - vii. Bahagian Hal Ehwal Islam (BHEI);
 - viii. Unit Perkhidmatan OKU UiTM;
 - ix. Pusat Kokurikulum UiTM; dan

x. Jabatan Komunikasi UiTM

Hadirin yang dikasihi,

5. Dalam menjayakan aspirasi membangunkan Malaysia Madani yang menjadi hala tuju kerajaan pada hari ini, salah satunya iadalah penghayatan ihsan, iaitu mengasihi orang lain, ditonjolkan melalui sikap peduli dan belas kasihan.
6. Apabila kita dapat menyelami penderitaan yang dilalui oleh individu, kita berusaha untuk mencari jalan penyelesaian bersama.
7. Dengan pendekatan tersebut, kita bukan sahaja dapat menikmati kehidupan yang lebih selesa dan harmoni, malah lebih penting daripada itu, Insya-Allah kita akan sentiasa memperoleh rahmat dan keberkatan daripada Allah SWT, di dunia mahupun di akhirat nanti.

Hadirin sekalian,

8. Hasrat untuk berkongsi rezeki dan kembali berbakti kepada UiTM, seperti yang ditunjukkan oleh Datuk Haji Mohd Syafiq yang merupakan graduan Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kepujian) dan Pemasaran UiTM, amat kami hargai dan alu-alukan.

9. Saya berharap rasa saying kepada UiTM terus menebal dalam kalangan alumni kita, yang direkodkan sehingga 16 Mei 2023 seramai **665,339** orang (menurut sumber: Sistem eAlumni UiTM).

10. Pada masa yang sama, ia akan meluaskan peluang latihan industri, tawaran kerjaya, perkongsian ilmu, keusahawanan serta bantuan kewangan atau tajaan pendidikan bagi menyerlahkan potensi yang akan membentuk masa hadapan yang lebih cemerlang.

11. Semoga kita semua, tanamkan semangat “UiTM di hatiku” sebagai inspirasi kepada generasi mahasiswa dan graduan akan datang untuk terus menyokong dan memajukan UiTM.

12. Sebelum akhir ucapan ini, saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua pihak, khususnya ICAN dan BHEI yang telah menjayakan majlis ibadah korban yang pada zahirnya disunatkan ke atas kita yang mampu, agar daging korban tersebut dapat diagih-agihkan kepada golongan yang tidak berkemampuan.
13. Saya sudahi dengan serangkap pantun;

**“Penat berjalan di tengah pekan,
Singgah sebentar di gerai Pak Ali,
Terima kasih UiTM ucapkan,
Sumbangan VFive kami hargai.”**

**Sekian, terima kasih.
Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.**